

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL



**HealthEnrich+**

PERLINDUNGAN MAKSIMUM  
UNTUK KESIHATAN ANDA



# Apabila keadaan menduga, mereka yang dilindungi terus terpelihara.

---

Satu insiden penyakit kritikal sudah cukup untuk melenyapkan simpanan seumur hidup anda. Akibat kos perubatan yang meningkat sejajar dengan kenaikan berterusan kos sara hidup, anda memerlukan pelan yang mampu melindungi diri anda serta mereka yang anda sayangi daripada kejadian yang tidak diduga dan sekaligus menyempurnakan hidup anda.

**HealthEnrich+ (HE+)** mampu melindungi kesihatan anda pada setiap peringkat hidup. Direka dengan ciri-ciri baharu dan komprehensif, **HE+** memastikan perlindungan optimum untuk keperluan perubatan anda. Anda dan keluarga tersayang tidak perlu lagi bimbang dan lihatlah ke masa hadapan dengan penuh harapan.



# Kenapa anda perlu fikirkan tentang penyakit kritikal sekarang.

Di PruBSN, kami menyalurkan segenap usaha untuk membantu anda memahami dan bersedia untuk keperluan masa depan anda. Kami mendapati bahawa kajian-kajian mengenai penyakit kritikal terarah kepada kesimpulan yang sama - walaupun pemodenan bidang perubatan telah meningkatkan kadar kelangsungan hidup mereka yang diancam penyakit kritikal, kos rawatan kini mencecah paras tertinggi dan akan terus melonjak. Kami faham bahawa ini sudah cukup untuk memudaratkan anda dan mereka yang anda kasihi. Atas sebab ini, kami menawarkan HE+ untuk anda.




Sumber: [www.thestar.com.my/news/nation/2016/02/14/battling-the-big-c-health-ministry-making-plans/](http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/02/14/battling-the-big-c-health-ministry-making-plans/)

## Fakta Mengenai Pesakit Kanser di Malaysia


selepas cuma satu tahun diagnosis dan rawatan Kanser

Kajian Kos Asean dalam Bidang Onkologi (Tindakan) oleh George Institute for Global Health



Sumber: [www.malaysiakini.com/advertorial/318645](http://www.malaysiakini.com/advertorial/318645)  
[www.thestar.com.my/news/nation/2015/11/21/cancer-makes-patients-poor-study-looks-at-the-economic-implications-of-a-new-cancer-diagnosis/](http://www.thestar.com.my/news/nation/2015/11/21/cancer-makes-patients-poor-study-looks-at-the-economic-implications-of-a-new-cancer-diagnosis/)

## Penyebab Utama Tuntutan Penyakit Kritikal



Sumber: General Reinsurance AG's Dread Disease Survey 2008-2012

## Kos purata rawatan Jantung & Buah Pinggang

Sakit Jantung & Lain-lain Penyakit Arteri Koronari Serius	13 Sesi Rawatan Buah Pinggang
RM50,000 - RM194,403	RM30,000/tahun

Sumber: [www.theheatmalaysia.com/SOCIO-ECONOMICS/The-price-of-falling-sick](http://www.theheatmalaysia.com/SOCIO-ECONOMICS/The-price-of-falling-sick)  
[www.thestar.com.my/news/nation/2015/11/07/dialysis-subsidy-drying-up-thousands-face-health-risk-as-govt-funding-is-not-approved/](http://www.thestar.com.my/news/nation/2015/11/07/dialysis-subsidy-drying-up-thousands-face-health-risk-as-govt-funding-is-not-approved/)

# Sekilas mengenai keistimewaan HE+<sup>1</sup>

Pelan HE+ membantu meringankan beban kos perubatan dan perbelanjaan sara hidup yang tinggi



**Gandaan Had Tahunan Akibat  
Kanser, Sakit Jantung  
dan Sakit Buah Pinggang**



**Elaun Rawatan untuk  
Kanser, Sakit Jantung dan  
Sakit Buah Pinggang**



**Rawatan Pesakit Luar untuk Kanser  
dan Dialisis Buah Pinggang**



**Manfaat  
Komplikasi Kehamilan<sup>2</sup>**



**Penepian Deposit Hospital  
di Hospital-hospital Pilihan**



**Pendapat Perubatan Kedua  
untuk 36 Penyakit Kritikal**



**Penjagaan Jururawat  
di Rumah**



**Manfaat  
Pembedahan Harian**



**Manfaat  
Pemindahan Organ**



**Bantuan Perubatan  
Kecemasan di Seluruh Dunia**

<sup>1</sup> Kesemua perlindungan yang dinyatakan adalah tertakluk kepada pengunderaitan, terma & syarat dan had yang berkaitan dengan setiap pelan HE+. Sesetengah manfaat mungkin tidak tertakluk kepada semua pelan. Sila rujuk kepada jadual manfaat di **halaman 6** untuk butiran selanjutnya.

<sup>2</sup> Sila rujuk Lampiran 1 untuk senarai penuh komplikasi-komplikasi Kehamilan.

## SmartSaver300

### Cara lebih bijak untuk memaksimumkan nilai pelan HE+ anda

Pilihan SmartSaver300 membolehkan anda mendapat penjimatan sekurang-kurangnya RM300 daripada sumbangan tahunan. Penjimatan ini boleh anda gunakan untuk meningkatkan perlindungan, menambah simpanan atau membina dana pelaburan anda.

Dengan SmartSaver300, anda hanya perlu membayar RM300 terlebih dahulu tidak kira jumlah kos yang terlibat bagi manfaat yang layak anda terima untuk mana-mana satu kecacatan.

Ilustrasi yang berikut akan memberi penjelasan lanjut bagaimana SmartSaver300 berfungsi.

En. Ahmad memilih  
**HE+ Select**  
Perlindungan Penuh<sup>3</sup>



Umur 35  
Pekerjaan Kelas 1  
Bukan Perokok  
Umur Tamat  
Tempoh 80





En. Bestari memilih  
**HE+ Select**  
SmartSaver300<sup>4</sup>



Umur 35  
Pekerjaan Kelas 1  
Bukan Perokok  
Umur Tamat  
Tempoh 80

## Lihat bagaimana SmartSaver300 memanfaatkan anda



### Lebih manfaat dengan sumbangan terjimat



\* Ilustrasi berdasarkan senario unjuran pulangan pelaburan tinggi (Contohnya 9% setahun bagi 20 tahun pertama dan 6% seterusnya). Nilai unjuran ini hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Nilai-nilai ini tidak dijamin dan bukan berdasarkan prestasi dulu dana-dana berkaitan pelaburan.

<sup>3</sup> PruBSN akan membayar semula Caj-caj Lazim dan Munasabah untuk perbelanjaan layak yang dianggap perlu dari segi perubatan.

<sup>4</sup> Sekiranya SmartSaver300 dipilih, anda perlu membayar jumlah tetap sebanyak RM300 daripada jumlah keseluruhan Caj-caj Lazim dan Munasabah dalam manfaat yang layak diterima untuk mana-mana satu kecacatan. Perkara-perkara yang tidak tertakluk kepada Deduktibel sebanyak RM300 termasuk Bilik dan Penginapan Harian, Pembantu Perubatan Khas Harian, Pembedahan Harian, Pendapatan Perubatan Kedua, Elaun Rawatan, Rawatan Kanser, Dialisis Buah Pinggang dan Pemindahan Organ.

**Temui pelengkap  
hidup anda**

**Terdapat empat pilihan pelan  
HE+ dan setiap satunya dicipta  
khusus untuk gaya hidup anda  
yang unik.**

# HE+ Vital

---

Buat pasangan yang baru membina kehidupan berkeluarga bersama. Pelan HE+ Vital menyediakan perlindungan perubatan yang terpenting agar anda dapat menghabiskan masa berkualiti membesarkan keluarga anda.



**Had Tahunan Tambahan sehingga RM100,000** akibat kanser, sakit jantung atau sakit buah pinggang.



**Kemudahan** mendapatkan rawatan di rangkaian hospital bereputasi tinggi di seluruh negara.



**Jaminan tambahan** dengan akses 24 jam untuk bantuan rawatan perubatan kecemasan di seluruh dunia.



**Fleksibiliti meningkatkan** pelan untuk menyesuaikan keperluan dengan gaya hidup anda yang kian berubah.





# HE+ Select

---

Pengorbanan untuk keluarga anda memerlukan pengorbanan dan perubahan kepada gaya hidup anda. Pelan **HE+ Select** yang lengkap memastikan perbelanjaan perubatan anda dijaga agar anda mendapat ketenangan fikiran yang diperlukan untuk memenuhi tanggungjawab yang semakin meningkat.



**Had Tahunan Tambahan sehingga RM150,000** akibat kanser, sakit jantung atau sakit buah pinggang.



**Perlindungan meluas** berkaitan penyakit kritikal, kemasukan hospital dan pembedahan.



**Manfaat unik** demi keselesaan ibu-ibu mengandung.



**Ketenangan minda** apabila bil-bil perubatan anda ditanggung.





# HE+ Advanced

---

Seseorang yang gigih bekerja seperti anda mungkin mempunyai masa yang terhad untuk meneliti keutamaan hidup anda di masa hadapan. HE+ Advanced adalah pelan ideal yang memberikan perlindungan optimum bagi keperluan kesihatan anda. Tidak perlu lagi mengorbankan kesihatan anda untuk mencapai apa yang anda impikan.



**Had Tahunan Tambahan sehingga RM200,000** akibat kanser, sakit jantung atau sakit buah pinggang.



**Had tahunan lebih tinggi** untuk meringankan beban anda ketika mengharungi cabaran hidup.



**Urusan lebih mudah** dengan kemasukan ke hospital yang diuruskan terlebih dahulu dan penepian deposit hospital di Hospital-hospital Pilihan.



**Khidmat rundingan dan diagnosis** dengan pakar perubatan tempatan dan antarabangsa<sup>5</sup>.



<sup>5</sup> Khidmat pakar perubatan antarabangsa ditawarkan untuk manfaat Pendapat Perubatan Kedua. Pemilihan pakar perubatan antarabangsa akan diuruskan oleh PruBSN.

# HE+ Premier

---


Anda telah bekerja keras untuk mencapai kejayaan anda hari ini dan anda layak menerima segala yang terbaik dalam kehidupan termasuk penjagaan kesihatan. HE+ Premier memberikan perlindungan kesihatan menyeluruh dan keistimewaan eksklusif, supaya anda dapat menikmati hidup yang luar biasa tanpa perlu mengabaikan aset anda yang paling berharga.



**Had Tahunan Tambahan sehingga RM400,000** akibat kanser, sakit jantung atau sakit buah pinggang.



**Perkhidmatan kemasukan hospital dan had penyakit kritikal yang tiada bandingan** untuk keperluan perubatan anda.



**Penginapan selesa di Hospital-hospital Pilihan seluruh negara.**



**Urusan lebih mudah** dengan kemasukan ke hospital yang diuruskan terlebih dahulu dan penempatan deposit hospital di Hospital-hospital Pilihan.



**Penjagaan istimewa** daripada pembantu perubatan khas harian.



Manfaat dan Jenis Pelan	HE+ Vital	HE+ Select	HE+ Advanced	HE+ Premier
<b>Jika anda dimasukkan ke hospital</b>				
Bilik dan Penginapan Hospital Harian – Hospital Panel	RM200 sehari	RM300 sehari	RM400 sehari	RM500 sehari
Bilik dan Penginapan Hospital Harian – Hospital Pilihan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	RM1,000 sehari
Tempoh Penginapan Maksimum di Hospital (had tahunan)	120 hari	150 hari	150 hari	200 hari
Unit Rawatan Rapi (maksimum 120 hari setahun)	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>
Rawatan dan Prosedur Pembedahan				
Rawatan dalam Hospital dan yang berkaitan				
Pembantu Perubatan Khas Harian (maksimum 200 hari setahun)	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	RM200 sehari
Deposit Hospital di Hospital-hospital Pilihan			Diketepikan	Diketepikan
<b>Jika Anda Perlukan Rawatan Pesakit Luar</b>				
Pembedahan Harian	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>
Penjagaan Jururawat di Rumah	Tidak Berkaitan	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>
Tempoh Maksimum Penjagaan Jururawat di Rumah (had seumur hidup)		180 hari	250 hari	365 hari
Rawatan Sebelum Masuk Hospital dan Selepas Masuk Hospital (dalam tempoh 90 hari sebelum dan selepas dimasukkan ke hospital)	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>
<b>Jika Anda Menghidapi Penyakit yang Merubah Kehidupan</b>				
Rawatan Kanser	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>	Perlindungan Penuh <sup>3</sup>
Rawatan Penyakit Buah Pinggang				
Had Tahunan Tambahan akibat Kanser, Sakit Jantung atau Sakit Buah Pinggang	RM100,000	RM150,000	RM200,000	RM400,000
Had Tambahan Seumur Hidup untuk Pemindahan Organ	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	RM100,000	RM200,000
Elaun Rawatan untuk Rawatan Kemoterapi, Radioterapi, Dialisis Buah Pinggang, Penjagaan Susulan Sakit Jantung	RM100 sehari (max RM500 setahun) (max RM5,000 seumur hidup)	RM100 sehari (max RM1,000 setahun) (max RM10,000 seumur hidup)	RM100 sehari (max RM1,500 setahun) (max RM15,000 seumur hidup)	RM100 sehari (max RM2,000 setahun) (max RM20,000 seumur hidup)
Pendapat Perubatan Kedua	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	RM500 setahun	RM1,000 setahun
• Rundingan dan Diagnosis di Malaysia			Ya	Ya
• Rundingan dengan Pakar Bertaraf Dunia				
<b>Jika Anda Berdepan Situasi Kecemasan</b>				
Komplikasi-komplikasi Kehamilan	Tidak Berkaitan	RM6,000 setahun	RM10,000 setahun	RM20,000 setahun
Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan	RM1,500 setahun	RM2,000 setahun	RM3,000 setahun	RM5,000 setahun
Bantuan Perubatan Kecemasan di Seluruh Dunia	Ya	Ya	Ya	Ya
Had Tahunan Keseluruhan	RM100,000	RM150,000	RM200,000	RM400,000
Jumlah Had Tahunan akibat Kanser, Sakit Jantung atau Sakit Buah Pinggang	RM200,000	RM300,000	RM400,000	RM800,000
Had Seumur Hidup	RM1,000,000	RM1,500,000	RM2,000,000	RM4,000,000

# Perkara yang perlu anda tahu mengenai HE+

## Apakah HE+?

HE+ adalah satu rider perubatan melalui sumbangan berkala yang membayar balik perbelanjaan perubatan utama sekiranya anda dimasukkan ke hospital, menjalani pembedahan atau menerima rawatan sebagai pesakit luar. HE+ adalah satu rider dan perlu digabungkan dengan salah satu pelan berkaitan pelaburan kami.

## Berapakah sumbangan yang perlu dibayar?

Sumbangan yang dibayar adalah berdasarkan umur kemasukan anda. Kadar sumbangan boleh dirujuk di **Lampiran 2**.

## Apakah pilihan yang disediakan untuk HE+?

Pilihan	HE+ Vital	HE+ Select	HE+ Advanced	HE+ Premier
Umur Kemasukan (Umur pada Tarikh Lahir akan Datang)	20 minggu kehamilan hingga 70 tahun	20 minggu kehamilan hingga 70 tahun	1 hingga 70 tahun	1 hingga 70 tahun
Umur Tamat Tempoh (Umur pada Tarikh Lahir akan Datang)	25, 70 atau 80 tahun			
Pilihan Perlindungan	Pilihan Perlindungan Penuh <sup>3</sup> atau SmartSaver300 <sup>4</sup>			

## Apakah caj-caj dan potongan-potongan yang dikenakan dalam HE+?

Jenis Caj dan Potongan	Butiran						
Caj Wakalah Pendahuluan	Caj ini membenarkan kami untuk membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan di bawah adalah berdasarkan tempoh bayaran 20 tahun atau lebih. Bagi tempoh kurang dari 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Pelan <sup>6</sup> .						
	Tahun Sijil	1	2	3	4	5 & 6	7 & Ke Atas
	Caj Wakalah Pendahuluan	60%	60%	50%	30%	20%	0%
Tabarru'	Tabarru' bermakna derma sebahagian nilai tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana Tabarru' bagi tujuan saling membantu di antara para peserta mengikut manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan tersebut. Kami menolak satu amaun setiap bulan daripada Akaun Unit Peserta (Participant Unit Account, PUA) anda berdasarkan umur, jantina, jumlah perlindungan, kelas pekerjaan dan status merokok.						

<sup>6</sup> Sila rujuk Nota-nota Penting.

# Nota-nota Penting

---

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) dan ia hanya mengandungi penerangan pelan yang ringkas dan tidak lengkap. Anda disyorkan untuk memohon salinan Ilustrasi Pelan, Lampiran Keterangan Produk atau dapatkan bantuan Perunding Takaful PruBSN untuk memperoleh maklumat lengkap sebelum menyertai pelan ini.
2. Terma-terma dan Syarat-syarat penuh dinyatakan di dalam dokumen sijil. Sila minta contoh Terma dan Syarat sekiranya anda memerlukan maklumat terperinci mengenai pelan ini.
3. Untuk **HE+**, anda mungkin layak menerima pelepasan cukai berkaitan sumbangan anda sehingga RM3,000. Sebarang pelepasan cukai adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri.
4. **HE+** tidak menyediakan sebarang amaun manfaat daripada Dana Tabarru' pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
5. Anda hendaklah terus membayar sumbangan mengikut waktunya sehingga pelan anda matang untuk memastikan anda mendapat perlindungan sepenuhnya di bawah pelan ini pada setiap masa. Jika anda berhenti membayar atau tidak membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum waktunya. Perlindungan untuk umur luput adalah tertakluk kepada jumlah di dalam PUA yang mencukupi untuk penolakan Tabarru' dan caj-caj yang dikenakan.
6. **HE+** adalah pelan pembaharuan terjamin. **Sumbangan adalah selaras tetapi tidak dijamin.** PruBSN berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan atau Tabarru' dengan memberikan notis 30 hari. Kadar ini mungkin akan disemak semula disebabkan oleh keadaan yang tidak memuaskan seperti inflasi kos perubatan. Sebarang perubahan dalam sumbangan dan/atau Tabarru' akan berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang seterusnya.
7. Hospital-hospital Pilihan adalah hospital yang dipilih untuk menyediakan perkhidmatan lebih nilai kepada peserta-peserta yang menyertai pelan **HE+** Advanced atau **HE+** Premier.
8. Sila rujuk laman web [prubsn.com.my](http://prubsn.com.my) atau muat turun aplikasi PruBSN Navigator secara percuma di Google Play dan Apple App Store untuk melihat senarai Hospital Panel dan Hospital Pilihan.

# Pengecualian

---

9. Anda hanya boleh mendapatkan Pendapat Perubatan Kedua apabila anda dikenal pasti menghidap salah satu daripada penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi.
10. **HE+** adalah berasaskan model Wakalah Bil Ajr yang merupakan persetujuan bagi PruBSN menguruskan pelan takaful anda. Sumbangan anda akan dimasukkan ke dalam PUA selepas ditolak caj wakalah yang merangkumi bayaran keseluruhan perkhidmatan yang disediakan. Perlindungan takaful diperoleh daripada Dana Tabarru'.
11. Tabarru' bermaksud sebahagian tertentu daripada sumbangan didermakan ke dalam Dana Tabarru' untuk persetujuan bantuan dan pertolongan di kalangan peserta-peserta berdasarkan manfaat-manfaat yang dipersetujui dibawah pelan.
12. Anda berhak menerima agihan lebihan termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) pada setiap akhir tahun kewangan. Anda dan para peserta lain layak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima baki sebanyak 50% sebagai insentif kerana menguruskan Dana Tabarru'. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam PUA anda. Amaun tepat agihan lebihan akan dinilai secara tahunan dan tertakluk kepada persetujuan kedua-dua Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

**HE+** tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau caj-caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya oleh salah satu kejadian berikut. Ini ialah penerangan ringkas mengenai pengecualian. Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada kontak sijil.

- (a) Penyakit sedia ada.
- (b) Penyakit spesifik yang berlaku dalam tempoh perlindungan 120 hari yang pertama.
- (c) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari Tempoh Menunggu daripada tarikh perlindungan, tarikh penguatkuasaan semula atau tarikh pengendorsan (mana-mana yang terdahulu), kecuali kecederaan akibat kemalangan.
- (d) Pembedahan kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata, lensa, Lasik/Radial Kerototomi dan penggunaan alat atau anggota palsu dan perubatan.
- (e) Penyakit-penyakit pergigian termasuk rawatan atau pembedahan oral pada gigi asli kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan.
- (f) Pembedahan eksperimen atau prosedur-prosedur pilihan kecuali disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan, pembedahan atau penyakit.
- (g) Penjagaan peribadi, dadah yang tidak dibenarkan, mabuk, pemandulan, AIDS, HIV, semua penyakit kelamin dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- (h) Sebarang rawatan atau pembedahan yang dijalankan untuk keadaan sejak lahir termasuk penyakit keturunan.
- (i) Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau bersalin dan komplikasi, penjagaan pranatal atau selepas bersalin kecuali semua yang dinyatakan di dalam dokumen sijil, keguguran, menggugurkan kandungan, sebarang kaedah pencegahan kehamilan, rawatan berkaitan ketaksuburan atau disfungsi erektil dan mati pucuk.
- (j) Pemeriksaan perubatan rutin, kemasukan ke hospital terutamanya untuk tujuan siasatan/pengimejan diagnostik yang tidak berkaitan dengan hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan, ubat atau pemeriksaan yang dianggap tidak perlu dari segi perubatan atau pencegahan secara amnya dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan seperti *sleeve gastrectomy*.
- (k) Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.
- (l) Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh sebarang tindakan peperangan, pelanggaran mana-mana atau cubaan melanggar undang-undang atau untuk menentang penangkapan, penyertaan secara langsung dalam rusuhan, mogok dan kekecohan awam.

- (m) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear atau sebarang bahan nuklear.
- (n) Perbelanjaan yang ditanggung oleh penderma atau Orang yang Dilindungi untuk menderma mana-mana organ tubuh dan semua kos pemerolehan organ dan komplikasinya.
- (o) Siasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, rawatan untuk perpeluhan yang berlebihan, terapi penggantian hormon, sel induk, terapi oksigen hiperbarik, perundingan dan rawatan penjagaan kaki, khidmat kiropraktik, terapi aroma dan sebarang rawatan pilihan yang lain.
- (p) Penjagaan atau rawatan yang mana bayaran tidak diperlukan atau setakat yang dibayar oleh mana-mana pengendali Takaful lain atau tanggung rugi yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja.
- (q) Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk.
- (r) Perbelanjaan bagi perkhidmatan yang bersifat bukan perubatan termasuk dan tidak terhad kepada televisyen, telefon, perkhidmatan jalur lebar, bil elektrik, radio atau kit kemasukan kecuali semua yang dinyatakan di dalam dokumen sijil.
- (s) Penyakit atau kecederaan yang timbul daripada sebarang jenis perlumbaan, sukan berbahaya, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau penumpang yang membayar tambang, atau pesawat komersil berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi pada laluan berjadual tetap.
- (t) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau tranformasi jantina.
- (u) Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan semasa tempoh menunggu.
- (v) Caj-caj yang tidak Berpatutan dan Biasa Diamalkan atau caj-caj yang ditanggung selepas Tarikh Tamat Tempoh.
- (w) Sekiranya Orang yang Dilindungi masih di dalam rahim atau berusia bawah 14 hari dan disahkan menghidap penyakit yang disebabkan oleh kecacatan kelahiran, trauma kelahiran dan komplikasi-komplikasi yang timbul akibat penyakit ini.

# Lampiran 1

## Senarai Komplikasi-komplikasi Kehamilan

1	Pembekuan Intravaskular
2	Kehamilan Luar Rahim
3	Hydatidiform Mole
4	Pendarahan Postpartum yang Memerlukan Histerektomi
5	Eklampsia
6	Embolisme Cecair Amniotik
7	Embolisme Pulmonari Semasa Hamil
8	Toksemia Semasa Hamil



## Lampiran 2

Kadar sumbangan tahunan bagi HE+ Vital untuk Tamat Tempoh 70.

Umur Kemasukan	Sumbangan Tahunan	
	SmartSaver300 (RM)	Perlindungan Penuh (RM)
1	1,308	1,718
2	1,100	1,482
3	989	1,289
4	989	1,289
5	989	1,289
6	989	1,289
7	989	1,289
8	989	1,289
9	989	1,289
10	989	1,289
11	989	1,289
12	989	1,289
13	989	1,289
14	989	1,289
15	1,048	1,348
16	1,048	1,348
17	1,048	1,348
18	1,048	1,348
19	1,146	1,446
20	1,200	1,500
21	1,200	1,500
22	1,200	1,500
23	1,200	1,500
24	1,200	1,500
25	1,200	1,500
26	1,200	1,520
27	1,254	1,554
28	1,291	1,591
29	1,330	1,630
30	1,371	1,671
31	1,414	1,724
32	1,459	1,779

Umur Kemasukan	Sumbangan Tahunan	
	SmartSaver300 (RM)	Perlindungan Penuh (RM)
33	1,505	1,835
34	1,554	1,894
35	1,605	1,955
36	1,659	2,019
37	1,716	2,086
38	1,776	2,156
39	1,839	2,229
40	1,904	2,314
41	1,969	2,389
42	2,034	2,474
43	2,101	2,551
44	2,169	2,629
45	2,241	2,721
46	2,316	2,816
47	2,396	2,906
48	2,481	3,011
49	2,571	3,121
50	2,666	3,236
51	2,766	3,356
52	2,850	3,460
53	2,937	3,567
54	3,027	3,677
55	3,121	3,781
56	3,417	4,207
57	3,517	4,327
58	3,621	4,451
59	3,731	4,581
60	3,847	4,727

Kadar sumbangan yang dipaparkan di atas adalah berdasarkan risiko biasa sahaja dan tertakluk kepada pengunderaitan. Amaun sumbangan sebenar anda akan bergantung kepada umur anda (berdasarkan Umur pada Tarikh Lahir akan Datang), status kesihatan, kelas pekerjaan, jenis pelan dan tempoh perlindungan. Bagi kadar sumbangan HE+ dengan kombinasi pelan, umur tamat tempoh dan pilihan-pilihan pelan yang lain sila rujuk [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).



# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL



**HealthEnrich+** adalah satu produk patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut/pertanyaan, sila hubungi:

**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD** (740651-H)

Tingkat 8A, Menara Prudential, No. 10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel: (03) 2053 7188 Faks: (03) 2072 6188 E-mel: [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)



SMS PruBSN dan hantar ke 33080



[prubsn.com.my](http://prubsn.com.my)



[facebook.com/prubsn](https://facebook.com/prubsn)



[linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](https://linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

AHLI



**Penting:** Semua pastikan bahawa anda berpuas hati bahawa produk ini akan memenuhi keperluan anda dan sumbangan berbayar di bawah sijil ini adalah amaun yang anda mampu.